



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR
SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B.***
3. *Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
8. *Semua kertas jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Perniagaan Percetakan Maju menyewa sebuah premis dengan sewaan RM500 sebulan. Jumlah sewa yang telah dibayar adalah RM5 500 tetapi kerani kewangan merekodkan sewa sebanyak RM6 000 dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi pada tahun kewangan 31 Disember 2020

Nyatakan andaian dan prinsip perakaunan yang berkaitan.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- (b) Encik Afifi pemilik Kedai Sukan AF Maju memulangkan sepuluh set barang sukan kepada Pembekal Al-Ikhwan Sports Center kerana tersilap jenama.

Tunjukkan kesan urus niaga ke atas persamaan perakaunan di bawah.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik

[2 markah]

- (c) Maklumat di bawah berkaitan urus niaga Perniagaan Rempeyek Manis.

Tarikh invois	5 Mac 2021
Nilai bersih pada invois	RM700
Syarat diskaun tunai	10% 14 hari, 5% 30 hari
Tarikh bayaran	26 Mac 2021

Hitung jumlah bayaran kepada pembekal.

[2 markah]

- (d) Perniagaan Khatijah dan Perniagaan Fatimah merupakan dua perniagaan yang menjual madu asli. Berikut adalah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 31 Julai 2021.

	Perniagaan Khatijah	Perniagaan Fatimah
Margin Untung Bersih	37.03%	43.20%
Kadar Pusing Ganti Inventori	4.72 kali	3.54 kali
Pulangan atas Modal	28.30%	37.40%
Nisbah Semasa	3.86 : 1	2.75 : 1

Jika anda seorang pelabur, perniagaan manakah yang anda akan pilih? Berikan alasan anda.

[2 markah]

(e)



Nyatakan dua tujuan penubuhan organisasi di atas.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

2 Puan Syafiqah adalah pemilik perniagaan Syafiqah Enterprise yang menjalankan perniagaan milikan tunggal sejak 5 tahun yang lepas.

Baki pada 1 April 2020 adalah seperti berikut :

	RM
Modal	50 000
Inventori	47 600
Lengkapan dan Lengkapan	9 500
Kenderaan	48 100
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	4 810

Pada 31 Mac 2021, baki-baki berikut diperolehi daripada buku perniagaan.

	RM
Pinjaman (matang pada 31 Januari 2031)	75 000
Belian	285 692
Jualan	360 553
Bank	12 135
Pulangan jualan	1 287
Belanja pejabat	5 080
Gaji	39 600
Hutang lapuk	730
Sewa	20 400
Tunai Runcit	2 450
Pulangan belian	5 341
Diskaun diberi	545
Pengiklanan	1 340
Diskaun diterima	425
Akaun Belum Bayar	23 640
Akaun Belum Terima	36 200
Alat tulis	580
Angkutan masuk	4 220
Insurans	3 420
Utiliti	2 200
Peruntukan hutang ragu	1 310

Maklumat tambahan :

- (i) Inventori pada 31 Mac 2021 dinilai pada harga RM53 200.
- (ii) Sewa tahunan RM24 000.
- (iii) Puan Syafiqah telah mengambil RM1 100 setiap bulan untuk kegunaan peribadi. Perkara ini telah direkod dalam Akaun Gaji.
- (iv) Bil utiliti sebanyak RM290 bagi bulan Mac 2021 belum dibayar.
- (v) Polisi insurans yang dibayar adalah untuk tempoh 12 bulan sehingga 31 Mei 2021.
- (vi) Urus niaga berikut masih belum direkod :
 - a. Sekeping cek yang diterima daripada pelanggan bernilai RM1 150 telah dikenal pasti sebagai cek tak laku dan diskaun RM150 telah ditarik balik.
 - b. Belian barang niaga RM3 690 dengan menggunakan cek peribadi pemilik.
- (vii) Peruntukan hutang ragu dikekalkan kepada 5% atas baki Akaun Belum Terima.
- (viii) Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut :

Aset Bukan Semasa	Polisi Susut nilai
Kenderaan	10% setahun atas nilai buku.
Lekapan dan lengkapan	Penilaian semula dengan nilai aset RM8 530.

- (ix) Pinjaman dibuat pada 31 Januari 2021 dengan kadar faedah 8% setahun. Oleh kerana perniagaan telah memilih pakej moratorium yang disediakan oleh pihak bank, maka pinjaman dan faedah akan mula dibayar pada bulan Mac 2021.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021. [14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021. [11 markah]

- 3 Puan Melissa memulakan perniagaan nurseri pokok hiasan pada 1 Mei 2020 dan beliau telah merekodkan urus niaga menggunakan sistem catatan tunggal.

Ringkasan Akaun Bank perniagaan beliau adalah seperti berikut:

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Modal	8 000	Belian pokok	3 970
Terima cek daripada pelanggan	80 780	Kenderaan	10 500
Jualan kenderaan (lama)	17 600	Kadar bayaran	467
Komisen	324	Gaji	9 875
		Alat tulis	350
		Bayaran kepada pembekal	50 525

Maklumat tambahan:

- | (i) | 1 Mei 2020 | 30 April 2021 |
|----------------------|-------------------|----------------------|
| | RM | RM |
| Premis | 40 000 | 40 000 |
| Kenderaan | 20 000 | ? |
| Akaun belum terima | - | 830 |
| Akaun belum bayar | - | 670 |
| Inventori pokok | - | 107 |
| Alat tulis | - | 150 |
| Gaji belum bayar | - | 265 |
| Komisen belum terima | - | 236 |
| Promosi prabayar | - | 123 |
- (ii) Pembekal telah memberi diskaun RM96 kerana menjelaskan hutang dalam tempoh kredit.
- (iii) Sepanjang tempoh perakaunan, Puan Melissa telah mengambil pokok hiasan bernilai RM1 200 untuk diletakkan di kediamannya namun belum direkodkan di mana-mana buku.
- (iv) Seorang pelanggan tidak dapat menjelaskan hutangnya sebanyak RM295 kerana muflis.
- (v) Kenderaan baru dibeli pada 2 April 2021. Kenderaan disusutnilaikan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah garis lurus.

- (vi) Terimaan tunai daripada pelanggan RM5 438 tidak dimasukkan ke dalam bank perniagaan tetapi telah digunakan untuk:

	RM
Belian pokok	4 745
Belanja am	189
Promosi	335
Membaiki kenderaan	169

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira jumlah jualan. [5 markah]
(b) Mengira jumlah belian. [6 markah]
(c) Menyediakan Akaun Kenderaan. [3 markah]
(d) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2021. [11 markah]

4 (a) Maklumat berikut diperolehi daripada Butik Pakaian Azi bagi bulan Januari 2020.

Baki Lejar Jualan pada 1 Januari 2020:	
	RM
Idaman Store	2 850
Maria Trading	870
Adidas Apparel	1 280

Baki Lejar Belian pada 1 Januari 2020:	
	RM
Awani Trading	1 530
Al-Amin Store	2 140

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Januari 2020.

- i. Jumlah belian ialah RM7 130 termasuk belian tunai sebanyak RM1 300.
- ii. Jurnal Jualan dan Buku Tunai mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4 560 dan RM2 200.
- iii. Pulangan Belian dan Pulangan Jualan bernilai RM200 dan RM380.
- iv. Cek diterima daripada pelanggan berjumlah RM6 320 termasuk hutang lapuk terpulih RM300. Pelanggan diberi diskaun RM230.
- v. Cek bernilai RM4 700 dikeluarkan kepada para pembekal dan menerima diskaun sebanyak RM440.
- vi. Pemilik Idaman Store telah meninggal dunia dan baki hutangnya berjumlah RM340 dihapuskan.
- vii. Caj pengangkutan RM250 telah dikenakan oleh Awani Trading.
- viii. Cek yang diterima daripada Adidas Apparel untuk membayar baki hutangnya pada 1 Januari telah dipulangkan oleh bank dengan arahan "Rujuk Penyuruh Bayar". Diskaun diberi RM80 telah dibatalkan.
- ix. Pindahan baki dari lejar jualan ke lejar belian sebanyak RM620.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima. [7 markah]
- (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar. [5 markah]

- 4 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Perabot Sayang yang berakhir 31 Disember setiap tahun.

Jenis	No. Pendaftaran	Tarikh beli	Kos (RM)
Lori Scania	AKU 8055	1 Januari 2019	200 000

Maklumat tambahan:

- i. Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- ii. Lori tersebut dijual pada 30 September 2020, sekeping cek bernilai RM175 000 diterima daripada pembeli.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kenderaan pada tahun 2020. [2 markah]
- (ii) Akaun Susutnilai Terkumpul Kenderaan bagi tahun 2020. [3 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Kenderaan. [3 markah]

5 (a) Ira dan Shahira ialah pemilik Perkongsian RaRa yang menjalankan perniagaan di Kuantan, Pahang. Pada 4 Jun 2021, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian kerana mengalami kerugian disebabkan oleh pandemik Covid-19. Berikut merupakan urus niaga yang berlaku semasa proses pembubaran:

- i. Pekongsi Ira ambil alih kenderaan yang bernilai RM20 000 pada nilai buku.
- ii. Inventori bernilai RM5 000 telah dijual pada harga RM4 500.
- iii. Pekongsi Shahira ambil alih perabot bernilai RM4 000 pada nilai RM2 500.
- iv. Akaun Belum Bayar bernilai RM1 000 telah dijelaskan sepenuhnya.
- v. Kos pembubaran telah dijelaskan sebanyak RM800.
- vi. Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menunjukkan catatan Jurnal Am bagi merekod urus niaga di atas. (Keterangan tidak diperlukan) [10 markah]

5 (b) Perniagaan Afiq menyediakan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan peruntukkan RM250 setiap bulan. Pada 1 Januari 2021, baki tunai runcitnya ialah RM50. Berikut ialah penerimaan dan pembayaran sepanjang bulan Januari 2021:

2021	RM
Jan	
1 Bayaran cek oleh ketua juruwang	?
4 Beli kertas A4	42
8 Bayar petrol untuk motosikal	10
12 Penghantaran bungkusan melalui pos	12
13 Beli perabot pejabat	550
15 Beli surat khabar dan majalah	35
16 Beli pewangi pejabat	32
20 Bayar parkir	10
23 Beli setem dan surat berdaftar	20
30 Elaun kerani	350

Anda dikehendaki:

Menyediakan Buku Tunai Runcit di **Lampiran A** dengan menunjukkan lajur analisis belanja pejabat, belanja pos, belanja perjalanan dan alat tulis. [10 markah]

- 6 (a) Kelab Sukan dan Rekreasi SUBES menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Mei 2021.

	1 Jun 2020	31 Mei 2021
	RM	RM
Lengkapan	22 000	27 650
Susut nilai terkumpul lengkapan	9 250	?
Insurans prabayar	220	245
Yuran belum terima	1 575	1 050
Yuran belum terperoleh	3 150	3 850
Sewa belum bayar	1 500	3 000
Bank	10 000	66 635

Berikut merupakan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mei 2021.

	RM
Penerimaan:	
Yuran pertandingan sukan	12 770
Yuran ahli	80 850
Derma	500
Pembayaran:	
Lengkapan	5 650
Sewa	22 500
Insurans	2 900
Hadiah pertandingan sukan	1 650
Pengadil pertandingan sukan	2 390
Kadar bayaran	2 395

Maklumat tambahan:

- i. Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 15% setahun dengan kaedah baki berkurangan.
- ii. Derma dianggap sebagai pendapatan modal.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Yuran. [3 markah]
- (ii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2021.

[6 markah]

- 6 (b) Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan pemakaian pelitup muka bagi melindungi diri daripada pandemik Covid-19. Bagi memenuhi permintaan pasaran, Kilang SyuActive bakal melancarkan satu produk iaitu pelitup muka fabrik. Kos yang dijangkakan terlibat untuk menghasilkan 5 000 unit pelitup muka fabrik adalah seperti berikut:

	RM
Jumlah kos	45 000
Kos tetap	20 000
Jumlah jualan	65 000

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Harga jualan seunit. [1 markah]
- (ii) Kos berubah seunit. [2 markah]
- (iii) Titik pulang modal. [2 markah]
- (iv) Keuntungan atau kerugian sekiranya menghasilkan 2 000 unit. [2 markah]
- (v) Unit yang perlu dikeluarkan untuk memperoleh untung sasaran RM10 000. [2 markah]
- (vi) Titik pulang modal yang baru sekiranya kos berubah seunit meningkat sebanyak RM3. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

3756/2

NAMA

**NO. KAD
PENGENALAN
NO. MAKTAB**

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

KELAS

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah			